

Noor Mala jadikan cabaran laluan cipta kejayaan

Bukan mudah bergelar ibu, pendidik, penulis dan pada masa sama menamatkan pengajian pada peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Namun bagi Dr Noor Mala Othman, setiap cabaran itu dijadikan batu loncatan untuk tidak berhenti melangkah, sebaliknya terus mencipta kejayaan.

"Tak mudah, tapi saya percaya kalau kita letak hati dan usaha, Tuhan buka jalan," katanya.

Wanita berkhasiat dan berjiwa kental ini turut terbabit dalam bidang pengacaraan, malah pengalamannya dalam bidang itu membolehkan beliau menghasilkan beberapa buah buku panduan dalam bidang pengacaraan.

Memulakan kerjaya sebagai guru pada 1999 sebaik menamatkan Ijazah Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Putra Malaysia (UPM), beliau menyambung pengajian di peringkat Sarjana di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam bidang reka bentuk dan in-

‘Ada malam saya menangis dalam diam. Letih fizikal satu hal, letih mental lagi satu bab. Tapi saya tahu, ini amanah’

Noor Mala Othman,
Pendidik



struksional dari 2012-2014.

"Sebenarnya ketika itu saya hanya mahu memberi tumpuan kerjaya sebagai guru, namun apabila Kementerian Pendidikan (KPM) menawarkan tajaan penuh saya mengambil peluang itu.

"Saya ibaratkan ia tawaran

yang tidak boleh ditolak dan teruja apabila diberikan peluang melanjutkan pengajian peringkat sarjana.

"Belajar dalam bidang lain, mengajar pula subjek Bahasa Melayu adakala menimbulkan pelbagai pertanyaan daripada

rakan, namun itulah rezeki yang ditentukan Allah SWT. Ia sesuatu yang jauh daripada zon selepas," katanya ketika ditemui, BH, baru-baru ini.

Berpengalaman lebih 20 tahun dalam bidang pengacaraan, katanya kebanyakan program dan majlis pengacaraan dikendalikan adalah di peringkat kolej vokasional dan jabatan.

Bagi memastikan semua pengalaman tidak sia-sia, Noor Mala berusaha gigih menghasilkan beberapa buku berkaitan pengacaraan biarpun sibuk dengan tugas hakiki sebagai guru.

"KPM sekali lagi menawarkan tajaan penuh untuk saya belajar peringkat PhD dalam bidang pendidikan teknikal vokasional di UTHM dari 2017 hingga 2021 dan bercuti dengan gaji penuh.

"Dua anak ketika itu turut mengikut saya berpindah ke Batu Pahat dan bersekolah di sana kerana mahu mengikut ibunya yang menyambung pengajian," katanya.

Menurutnya, menulis buku bukan mudah kerana dia perlu mengimbangi masa dan tenaga untuk turut menyiapkan tesis yang memerlukan tumpuan tinggi.

Katanya, banyak malam terpaksa dihabiskan dengan ketekunan demi memastikan kedua-dua tugas itu dapat diselesaikan dengan baik.

"Ada malam saya menangis dalam diam. Letih fizikal satu hal, letih mental lagi satu bab. Tapi saya tahu, ini amanah.

"Sebagai penerima tajaan, saya sedar peluang menyambung pengajian ke peringkat PhD satu tanggungjawab besar yang mesti dibalas dengan sumbangan bermakna kepada masyarakat.

"Ini menjadi motivasi utama bagi saya dalam menghasilkan buku dan terus berkarya demi manfaat pelajar dan warga pendidik," katanya.

Lebih membanggakan, apabila buku-buku karyanya kini menjadi rujukan di sekolah dan kolej.